



**PENYEBARAN PENGARUH DIALEK MELAYU THAI DI MALAYSIA:
ANALISIS GIS
[THE DISTRIBUTION OF THAI MALAY DIALECTS IN MALAYSIA: A GIS
ANALYSIS]**

*Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi, & Khairul
Ashraaf Saari

Program Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 Bangi, Selangor, Malaysia

*Penulis Koresponden: shima@ukm.edu.my

Received: 1 Aug 2019,

Accepted: 30 Nov 2019

ABSTRAK

Kajian dialek di Malaysia secara tradisional telah banyak dilakukan. Kajian secara tradisional ini telah menghimpun varian-varian fonologi yang ada sehingga terhasilnya dialek Melayu di Malaysia. Kemudian ada kemajuan dari segi penghasilan isoglos yang dilakar pada peta secara impresionistik melalui kajian dialek geografi. Namun terdapat kelompondan kajian dialek untuk beberapa ketika sebelum kajian dialek dengan aplikasi Geographic Information System (GIS) diperkenalkan. Kajian berasaskan teknologi mampu melakar peta isoglos dengan teknik overlay dan penandaan choropleth bagi varian bunyi dengan lebih tepat. Artikel ini bertujuan menghuraikan pengaruh penyebaran dialek Melayu Thai dengan mengaplikasikan GIS. Kajian dialek ini telah melibatkan negeri Perlis, Kedah Langkawi, Pulau Pinang dan Perak. Kajian bersifat multidisiplin ini akan menjelaskan bagaimana faktor bukan linguistik seperti bentuk muka

bumi, migrasi dan sejarah selain faktor linguistik mencorakkan penyebaran dialek ini di utara Semenanjung Malaysia khususnya. Lebih seribu orang responden yang terlibat dengan tiga kategori usia dikenal pasti, iaitu golongan tua (50 tahun ke atas), dewasa (26-49 tahun) dan remaja (15-25 tahun). Responden telah melalui sesi temu bual dan menjawab soal selidik. Sebanyak empat puluh (40) senarai perkataan yang berkaitan kehidupan responden telah dipilih. Hasil kajian menunjukkan memang terdapat penyebaran yang meluas dialek Melayu Thai di Malaysia. Yang menariknya, dialek yang tersebar bukan hanya dialek Patani tetapi juga dialek Satun terutama di Langkawi dan Perlis. Aplikasi GIS ternyata bukan sahaja mampu melakar isoglos dengan tepat tetapi dapat membuktikan bahawa faktor bukan linguistik menjadi faktor tambahan kepada mengapa tersebaranya sesuatu dialek itu ke satu-satu kawasan.

Kata kunci: Dialek Melayu, dialek Melayu Thai, Geographic Information System (GIS), isoglos, varian fonologi

ABSTRACT

Traditional dialect studies in Malaysia have widely been explored. These studies managed to group all the phonological variants which produce various Malay dialects in Malaysia. Then there were progresses in terms of producing isoglosses which were drew impressionistically on the maps in the studies of geographical dialects. However, there were gaps in the dialect studies for some time before the dialect studies with Geographic Information System (GIS) application was introduced. This technology-based study has the ability to produce isogloss maps using the overlay technique and choropleth marking for the sound variants precisely. This article aims to explain the influence for the dissemination of Thai Malay dialects by applying GIS. This study involves the states of Perlis, Kedah Langkawi, Penang and Perak. This multidisciplinary study explains how non-linguistics factors such as geography, migration and history as well as linguistics factors shape the distribution of the Malay dialects in the northern Peninsular Malaysia in particular. More than a thousand respondents were involved who were divided into three age categories namely, the elderly (50 and older), adults (26-49 years) and adolescents (15-25 years). Respondents were interviewed and required to answer questionnaires. Forty (40) word lists related to respondents' lives were selected. The result shows that there is a widespread of Thai Malay dialects in Malaysia. Interestingly, the dialects are not only the Patani dialect but also the

Satun dialect especially in Langkawi and Perlis. GIS application has not only been able to accurately reproduce isoglosses but have proven that non-linguistic factors are additional factors that explained the reasons for dialects to disseminate in an area.

Keywords: Geographic Information System (GIS), isoglosses, Malay dialects, phonological variants, Thai Malay dialects

Cite as: Jalaluddin, N. H., Mohamed Sultan, M. F., Radzi, H., & Saari, K. A. (2019). Penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS [The distribution of Thai Malay dialects in Malaysia: A GIS analysis]. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 362-389. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp362-389>

1.0 PENGENALAN

Bahasa tersebar apabila berlaku pertembungan bahasa dan budaya. Dalam satu-satu bahasa terhimpun pelbagai dialek yang pada masa yang sama mampu memperlihatkan keunikan dan penjelasan yang menarik. Dialek adalah sebagai satu sub-bahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Hj. Omar, 1985). Malah dengan dialek ini kita dapat mengenali identiti penutur berdasarkan bunyi dan leksikal yang digunakan. Bahasa Melayu yang mempunyai banyak dialek seperti Perak, Kedah, Kelantan, Trengganu, Johor dan sebagainya telah mewarnai keragaman bunyi dan leksikal. Penyebaran dialek ini bukan ditentukan oleh sempadan politik tetapi geografi.

Artikel ini merupakan hasil daripada kajian multidisiplin yang menggabungkan linguistik (kajian dialek) dengan geografi serta ilmu sosial yang lain. Bentuk muka bumi atau topografi, sejarah, migrasi dan ruang dapat digemblengkan bersama fakta linguistik demi menjawab bagaimana dialek boleh tersebar. Penyebaran dialek yang dinyatakan di atas melangkaui sempadan geografi. Artikel ini juga ingin membuktikan bahawa pertembungan antara dialek akan mengukuh dan memperkayakan dialek di sesuatu kawasan. Dalam kajian ini kita dapat lihat bagaimana dialek Melayu Thai seperti dialek Melayu Satun dan dialek Melayu Patani yang ternyata berbeza dari segi fonologi dan leksikalnya dengan dialek Kedah dan Perak telah dapat bertapak di Perak, Kedah, Langkawi, Pulau Pinang dan Perlis dan akhirnya dapat berasimilasi dengan dialek tempatan. Penelitian penyebaran pelbagai dialek ini akan menggunakan teknologi GIS agar gambaran isoglos

dan persempadanan dialek dapat dirakam dengan saintifik (Jalaluddin, Tingom, Hamzah, & Lateh, 2019).

2.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian dialek bermula seawal 1881 oleh Wenker di Jerman dan Gillieron 1896. Kajian dialek tradisional ini ingin membentuk isoglos dialek bagi setiap daerah kajian. Wenker telah menggunakan kaedah perkhidmatan pos bagi mengumpul dialek yang ditinjau. Kelemahan kajian Wenker dibaiki oleh kajian Gillieron dengan menggunakan khidmat Edmond Edmont yang berbasikal ke seluruh Perancis bagi mengutip data dialek. Di Malaysia, kajian mengenai dialek tradisional seumpama kajian Wenker dan Gillieron, iaitu mencari isoglos dialek Melayu. Kajian dialek tradisional dilakukan selepas kemerdekaan oleh Hussin (1973), Harun Mat Piah (1983), dan Hj. Omar (1985, 1993). Namun kajian mereka berbeza dengan sarjana Eropah kerana sarjana tempatan lebih kepada kajian lapangan dan bertemu penutur sendiri bagi mencari varian yang ada, lantas dibina isoglos dialek yang dikaji (Jalaluddin et al., 2019).

Kajian dialek terus berkembang dengan terhasilnya kajian dialek geografi. Pada peringkat ini kajian dialek dilakukan di peringkat sarjana oleh Che Kob (1985) dan Yusof (1986). Masing-masing telah memilih kawasan kajian khusus atau geografi tertentu dan diberikan penjelasan fonologi dan perbezaan leksikal bagi menghasilkan peta isoglos kawasan yang dikaji. Che Kob (1985) telah mengkaji dialek Kelantan di Pasir Mas sementara Yusof (1986) di Kuala Kangsar. Terdahulu daripada kedua-dua sarjana ini adalah Collins (1983) yang mengkaji dialek geografi Ulu Terengganu. Satu kemajuan dari kajian mereka dibandingkan dengan kajian dialek tradisional ialah kemampuna mereka mengeluarkan peta lakaran dialek dengan penandaan isoglos yang jelas. Cuma ketiadaan teknologi pada masa itu menyebabkan peta yang dilorek lebih bersifat impresionistik. Kajian dialek terus berkembang dan kali ini dialek dijadikan data untuk kajian fonologi. Ini bermula apabila Ahmad (1991) cuba menganalisis dialek Perak dengan kerangka fonologi generatif. Kemudian diikuti pula oleh Syed Jaafar (2017), Abdul Salam dan Syed Jaafar (2018) yang mengkaji dialek Negeri Sembilan di Kuala Pilah dan kajian dialek Melayu Patani di Sik. Kajian mereka lebih bersifat '*armchair*' kerana lebih mementingkan bagaimana analisis fonologi dapat ditonjolkan demi mendapat pola linguistiknya. Kedua-dua mereka menggunakan teori fonologi, iaitu fonologi generatif bagi kajian Ahmad (1991) dan teori Optimality bagi kajian Syed Jaafar (2017). Dalam kajian mereka, sudah tentu penonjolan linguistik lebih diutamakan

berbanding pembinaan isoglos bagi kedua-dua dialek tersebut. Seterusnya Aman, Ab. Hamis, dan Abdul Hamid (2015), Hasrah, Shahidi, dan Aman (2013) kembali melibatkan banyak kajian lapangan dan pada masa yang sama mencari kekerabatan bahasa dari perspektif linguistik sejarah. Kajian Aman et al. (2015) dan Hasrah et al. (2013) lebih tertumpu pada dialek Melayu Sarawak dan Pahang (Jalaluddin et al., 2019). Kajian dialek Melayu di Thai pernah dikaji oleh Uthai (2011) dan Esayah (1999). Uthai (2011) telah menumpukan kajian pada keistimewaan dialek Melayu Patani sementara Esayah (1999) pula meninjau mengenai dialek Melayu Satun. Kedua-dua mereka memberikan ciri utama dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Satun. Ternyata dialek Patani lebih mirip kepada dialek Melayu Kelantan sementara dialek Melayu Satun condong ke dialek Kedah.

Seiring dengan perkembangan kajian dialek pada hari ini, kajian dialek kita harus berdiri sama tinggi dengan kajian dialek di peringkat global. Kajian dialek sudah bersifat multidisiplin dan melibatkan teknologi *Geographic Information System* (GIS) (Onishi, 2010; Teerarojanarat & Tingsabadh, 2011; Jalaluddin, 2015; Jalaluddin et al., 2019; Radzi, 2017; Hamzah, 2018; Ahmad, Jalaluddin, & Yusoff, 2018). Pendekatan dialek dan GIS membuktikan bahawa isoglos yang terlakar lebih tepat dan sistematik. Apa yang lebih menarik, maklumat bukan linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya menjadi penguat hujah bagi penjelasan kepada penyebaran dialek di satu-satu kawasan. Inovasi kajian dialek dicetuskan oleh Jalaluddin (2015), Jalaluddin et al. (2019), Ahmad et al. (2018), Radzi (2017), Hamzah (2018). Kesemua kajian dialek oleh kelompok penyelidik ini melibatkan aplikasi *Geographical Information System* (GIS) dan mengutarakan penyelidikan multidisiplin. Kajian dialek dan GIS boleh dikatakan membawa pendekatan baharu bagi kajian dialek. Kajian Jalaluddin, Ahmad, Radzi, and Sanit (2016) dapat membuktikan bagaimana pentingnya topografi atau bentuk muka bumi dalam menyebar atau mengekang sesuatu dialek, contohnya penyebaran bentuk kata ganti nama di sepanjang Sungai Perak. Di sini dibuktikan bahawa sepanjang aliran sungai Perak, kita dapat menghuraikan kehadiran sub dialek Kuala Kangsar yang ternyata berbeza dengan sub dialek Perak Tengah. Ahmad et al. (2018) pula membuktikan bagaimana dialek Patani boleh tersebar sehingga ke Lenggong juga bersandarkan faktor muka bumi. Penyebaran di Lenggong turut diwarnai oleh faktor sejarah dan migrasi. Kajian Jalaluddin et al. (2019) menjelaskan bagaimana faktor ekonomi, sejarah di samping muka bumi turut menyebabkan dialek Melayu Thai tersebar di Langkawi. Malah telah ada leksikal Melayu Thai meresap ke dalam kosa kata dialek Melayu Langkawi.

Semua kajian di atas membuktikan bahawa dialek ini bersifat dinamik, boleh mempengaruhi dan dipengaruhi oleh dialek setempat. Dengan adanya aplikasi GIS, kajian dialek yang hari ini bukan sahaja dapat memberikan huraian tentang aspek fonologi dan semantik tetapi pada masa yang sama dapat mengesan penyebaran dialek dialek ini yang melangkaui sempadan politik. Artikel ini bertujuan menghuraikan penyebaran dialek Melayu Thai ke utara Semenanjung Malaysia dari Perlis sehingga ke Perak dengan menghasilkan isoglos (sempadan dialek yang jelas) dan faktor-faktor yang mempengaruhi penyebarannya menggunakan teknologi GIS.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dialek perlu mengalami proses transformasi. Kaedah kajian masih menggunakan kaedah lapangan dialek tetapi cara analisis harus berubah mengikut ilmu semasa. Mengapa kajian dialek dan GIS masih dianggap sebagai kajian dialek. Ada beberapa sebab:

- i. Masih menggunakan kajian lapangan
- ii. Masih menggunakan rakaman, soal selidik dan temubual
- iii. Masih mengekalkan kaedah NORMS, cuma di sini telah dilakukan inovasi daripada responden dominan lelaki ke responden perempuan,
- iv. Masih menumpukan kepada perbezaan fonologi dan leksikal, cuma aspek fonologi dikaji secara mudah bagi mendapatkan pola ragam bunyi bagi membuktikan wujudnya varian yang signifikan.
- v. Pengaplikasian GIS membantu menghasilkan isoglos yang lebih tepat.

Kajian mesti dimulakan dengan penentuan kawasan kajian berserta responden yang terlibat. Kampung ini dipilih mengikut titik kampung dalam peta berpanduan GPS (*Global Positioning System*) dan dikukuhkan lagi dengan bantuan penghulu kampung bagi memastikan pengkaji mendapat responden yang sah. Soal selidik telah disiapkan berdasarkan kerangka Swadesh dan disesuaikan dengan leksikal tempatan yang kerap dipakai (Collins, 1983). Kerjasama dengan ketua kampung sangat penting bagi memastikan kita mendapat responden bertaraf penutur natif. Pemilihan responden terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan muda (berumur 15-25 tahun), golongan dewasa (berumur 26-49 tahun) dan golongan warga tua (berumur 50 tahun dan ke atas). Pembahagian ini penting kerana kita dapat melihat pola penggunaan dialek Melayu antara

generasi. Soal selidik dilakukan dengan sesantai dan tidak formal. Kadangkala diminta responden bercerita sementara enumerator merakam perbualan. Enumertor sebagai pembantu penyelidik akan dilengkapi dengan ilmu fonetik supaya transkripsi tepat dapat dihasilkan. Semua responden akan mengisi soal selidik dan menyebut kosa kata yang telah disenaraikan. Untuk mendapatkan sebutan yang lebih tepat, sesi temubual spontan dan rakaman hanya dilakukan pada responden yang tua dan dewasa. Nyatanya mereka masih dapat mengingat cara sebutan yang baik malah tahu mengenai sejarah kampung mereka.

Setelah data ditranskripsi dan dibersihkan, maka langkah selanjutnya adalah untuk memasukkan data dalam Excel dan seterusnya dimpot ke dalam perisian *Geographical Information System* (GIS). Hasil daripada teknik dalam GIS maka peta yang dikehendaki dapat dihasilkan. Rajah 1 di bawah adalah contoh pemindahan data dialek ke Excel.


VARIAN LEKSIKAL								
KAMPUNG	KOD RESP	LEKSIKAL	L1	L2	L3	L4	L5	L6
KG SERKAT DARAT	WT001		səlekeh					
	WT002		səlekeh					
	D001			tʃomot	blapɔʔ			
	D002			tʃomot	blapɔʔ			
	D003		səlekeh					
	D004		səlekeh					
	D005		səlekeh					
KG SG BUNTU, PONTIAN	WT001					koto		
	WT002					koto		
	WT003		səlekeh				səyabaj	
	WT004					koto		
	WT005					koto		
	WT006					koto		
	D001					koto		
	D002					koto		
	D003					koto		
	D004		səlekeh				səyabaj	
KG PARIT JERMAN	WT001		səlekeh			koto		
	WT002		səlekeh			koto		
	WT003							luput
	D001							luput
	D002							luput
	R001		səlekeh			koto		

Rajah 1: Data dalam Excel

Seterusnya data yang telah dibersihkan diimport ke dalam perisian GIS dan bermulalah proses *Inverse Distance Weighting (IDW) Interpolation*. Fungsinya adalah untuk mendapatkan isoglos berkaitan varian bunyi. IDW boleh melorekkan kawasan dengan varian tertentu menggunakan

warna-warna terpilih. Kelemahan IDW adalah gagal membezakan varian fonologi secara tepat. Contohnya jika kawasan A itu mempunyai dua varian, kawasan B dengan 4 varian, kawasan C juga 2 varian, maka warna yang sama akan diberikan pada kawasan dengan dua varian tanpa dapat membezakan pola bunyi yang kadang-kala berbeza. Bagi mengatasi masalah ini, penandaan data input mesti kreatif supaya penomboran tidak bertindan. Dengan GIS, penentuan isoglos menjadi sangat tepat dan boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya.

Proses IDW mesti dimulakan dengan mencari peta topo lengkap dan mesti ditandai dengan titik kampung yang telah dikenal pasti. Dalam peta 1 di atas, topografi bagi Langkawi seperti teluk, pulau, tanah tinggi serta titik kampung telah dicatatkan. Setelah data dicerap berasaskan perbezaan fonologi dilakukan maka proses IDW dengan mudah dapat dilakukan. Hasil masukan data yang dikutip membolehkan peta dialek Langkawi dapat dihasilkan dengan tepat dengan pembahagian isoglos yang sungguh jelas. Maklumat topografi, sejarah, migrasi menjadi maklumat bukan linguistik yang sangat berguna untuk menjelaskan bagaimana sesebuah dialek itu boleh menyebar atau terhalang bagi satu-satu kawasan. Peta 1 di bawah adalah contoh hasil proses IDW:



Peta 1: Isoglos dialek Melayu di Langkawi dengan IDW

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Artikel ini adalah berkenaan penyebaran Melayu Thai di utara Semenanjung Malaysia yang meliputi Perlis, Kedah-Langkawi dan Perak. Bagi memudahkan perbincangan, penyebaran bagi dialek Melayu Thai akan dibincangkan mengikut negeri. Akhirnya akan dirumuskan dengan sebuah peta pengaruh penyebaran dialek Melayu Thai di utara Semenanjung Malaysia. Dalam kajian ini data ‘air’ akan diketengahkan sebagai data analisis. Data ‘air’ kemudiannya disokong oleh data lain bagi menguatkan hujah penyebaran dialek Melayu Thai ini. Dalam perbincangan ini juga, huraian mengenai sebaran dialek Melayu Thai di Perlis dan Pulau Pinang agak ringkas kerana masih dalam proses analisis, tetapi penyebaran di Kedah-Langkawi dan Perak agak ekstensif kerana telah selesai dengan penganalisan data.

4.1 Penyebaran Dialek Melayu Thai di Perlis

Kajian di Perlis melibatkan seluruh negeri yang dibahagi kepada tiga kawasan, iaitu Arau, Kangar dan Padang Besar. Kemudian dipecahkan pula kepada mukim dan kampung. Seramai 400 responden terlibat dalam kajian ini. Menariknya Perlis ini, ia bersempadan dengan Thai di utara dan Kedah di selatan. Ada tanah tinggi yang memisahkan di antara Perlis dan Thai. Kuala Perlis merupakan laluan laut yang penting bagi mereka dari Thai untuk masuk ke Perlis. Laluan darat yang utama adalah di Padang Besar.

Kedudukan Perlis yang bersempadan dengan Thai, memang tidak menyukarkan masyarakat Thai untuk keluar masuk ke Perlis. Malah masyarakat Tammalang di Satun mempunyai hubungan persaudaraan dengan masyarakat di Perlis (Jalaluddin et al., 2019). Malah dari segi sejarahnya terdapat perkampungan Thai di Jejawi. Temubual di bawah membuktikan bahawa kedudukan masyarakat Thai di Jejawi adalah berasas dan malah mereka mempunyai komuniti yang tersusun.


Saya merupakan masyarakat Siam yang dilahirkan di Kampung Jejawi Sematang, Kangar, Perlis. Kawasan ini dipenuhi dengan sejumlah populasi Siam. Kebanyakan orang Siam di sini bekerja sebagai pesawah selain melakukan kerja-kerja kampung yang lain untuk menyara kehidupan harian mereka,” jelasnya memulakan bicara. Menyingkap kembali kisah hidupnya, Umay berkata, ketika di alam persekolahan, ibunya sering menghantarnya ke kelas bahasa Siam yang diajar oleh Sami Buddha tempatan atau didatangkan khas dari Thailand sebaik tamat sesi persekolahan. Biarpun menetap di Malaysia, namun masyarakat di sana masih mengamalkan dan memegang utuh budaya serta tradisi masyarakat Siam. Selain mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Siam dengan fasih, kami juga masih mengenakan pakaian tradisional selain makanan turun-temurun. Biasanya, pakaian tradisional akan dipakai untuk menghadiri majlis perkahwinan ataupun festival - Umay Ilead (Menyelami kehidupan Orang Siam, 2019)

Berdasarkan wawancara ini, maka tidak peliklah jika adanya pengaruh Thai di bumi Perlis. Dari kajian yang dijalankan beberapa kampung yang menerima penyebaran dialek Melayu Siam ini. Kawasan yang paling ketara adalah kawasan sekitar Kangar, selebihnya ada sedikit di kawasan Padang Besar manakala ada tompok-tompok di Arau. Peta 2 adalah hasil isoglos bagi data ‘air’ yang mempunyai pengaruh Thai. Kawasan yang ditemui mempunyai pengaruh Melayu Thai adalah di mukim Beseri, Padang Pauh, Padang Siding dan Sena. Terdapat juga pengaruh Melayu Thai di Tititinggi dan Kuala Perlis. Selebihnya menggunakan dialek utara.

Perbezaan fonologi boleh dilihat dari segi sebutannya. Umumnya, orang Perlis akan menggunakan [aʝaʔ] bukannya [ae] sebagaimana lazimnya disebut dalam bahasa standard. Sementara penutur Thai menyebut ‘air’ dengan [aʝaʔ]. Adanya tambahan geluncuran /i/ bagi perkataan air yang jelas boleh membezakan dengan penutur Thai. Kehadiran bunyi geluncuran ini ada kaitan dengan nada kerana bahasa Thai adalah bahasa bernada. Yang lebih menarik ada leksikal [nâm] yang bermaksud ‘air’ digunakan di Padang Siding. [nâm] adalah leksikal orang Thai sendiri. Perhatikan ada lambang [ʔ] iaitu nada tinggi rendah semasa menuturkan bunyi [nâm]. Ini memang ciri dari bahasa Thai (Gandeur, 1997). Ini bermakna penutur Thai boleh menggunakan sama ada [aʝaʔ] atau [nâm]. Perlu diingat bahawa penggunaan [aʝaʔ] adalah pengaruh dari Satun bukannya Patani. Ini perkara lazim kerana faktor sempadan boleh

menyebabkan fenomena ini berlaku. Perlis bersempadan dengan Satun, maka sudah pasti pengaruh Satun lebih dekat bukannya Patani.

Bagi menguatkan hujah tentang penyebaran dialek Thai khususnya Satun di Perlis, data ‘kotor’ dan ‘campak’ diteliti. Kotor disebut [damoɔ] mempunyai ciri yang terdapat dalam dialek Melayu Satun iaitu vokal belakang separuh luas /ɔ/ pada suku kata akhir. Begitu juga dengan [təŋaləŋ] yang merupakan varian bagi leksikal ‘baling’ (Mohamed Sultan, Jalaluddin, Radzi, Kasdan, & Aizuddin Suhami, 2019). Penggunaan bunyi /ɔ/ di suku kata akhir memang jelas merupakan ciri Melayu Satun. Ini ditegaskan oleh Esayah (1999) dan Uthai (2011). Tambahan pula, penyebarannya tertumpu di kawasan utara dan tengah Perlis iaitu Titi Tinggi, Beseri, Padang Pauh, Sena dan Chuping. Berdasarkan peta di atas, kawasan tengah ini merupakan kawasan tanah tinggi dan menjadi kawasan tumpuan penduduk Thai Satun. Kedudukan geografi Perlis yang juga bersempadan dengan Thailand memudahkan tersebarnya variasi ini. Penyebaran di Perlis boleh dikatakan bermula di mukim Titi Tinggi yang dipenuhi kawasan berbukit dan hutan yang menjadi tumpuan penempatan penduduk dari Thai. Dari semasa ke semasa, variasi ini tersebar sehinggalah ke bahagian tengah Perlis.




Peta 2: Sebaran dialek Melayu Thai di Perlis

4.2 Penyebaran Dialek Melayu Thai di Pulau Pinang

Mengikut sejarah, masyarakat Thai mula datang ke utara Tanah Melayu sejak kurun ke-18 kerana peperangan yang berlaku antara kerajaan Kedah dan Thai pada ketika itu. Ramai dalam kalangan tentera Thai yang ditinggalkan di sini. Dalam rekod pengasas penempatan British di Pulau Pinang, Francis Light mencatatkan tentang kehadiran kira-kira 100 orang Thai dan Burma yang berdagang di Pulau Pinang. Sejak itu, mereka bekerja sebagai petani dan tinggal di sini sehingga selepas merdeka (Sathian & Chesof, 2018). Manakala dari segi persempadanan pula, Pulau Pinang tidak begitu dekat dengan Thai tetapi kemudahan pengangkutan melalui air dan perdagangan memungkinkan kemasukan penduduk Thai ke Pulau Pinang. Ini boleh menambah jumlah kehadiran mereka di Pulau Pinang. Kedudukan Seberang Prai yang bersempadan dengan Kedah juga boleh membuka lorong kemasukan masyarakat Thai di sini. Natiyahnya, muncul pengaruh dialek Melayu Thai di Pulau Pinang.

Dalam peta 3 di bawah, kita dapati penyebaran dialek Melayu Thai di pulau sendiri dan juga di Seberang Prai. Kedudukan mereka di Georgetown lebih menyerlah berbanding dengan di Seberang Prai. Ini selaras dengan pendapat bahawa mereka datang untuk berdagang, maka sudah pasti kawasan bandar menjadi tumpuan mereka. Mereka berada hampir di separuh pulau sementara di Seberang Prai, kedudukan mereka lebih berselerak, iaitu di Seberang Prai tengah dan utara. Jika dirujuk semula pada kenyataan Francis Light di atas, maka memang jelaslah bahawa kemasukan mereka seramai 100 orang ke Pulau Pinang kekal hingga ke hari ini dan pastinya terus berkembang. Dan apa yang pasti, munculnya komuniti mereka secara konsisten sebagaimana di Jejawi, Perlis. Dengan sebab itu kita dapat temui responden yang menggunakan dialek Melayu Thai di Pulau Pinang.



Peta 3: Sebaran dialek Melayu Thai di Pulau Pinang

Dari kajian yang dilakukan, rata-rata responden menggunakan bunyi [aʝaʃ] untuk ‘air’ sebagaimana yang digunakan di Perlis. Ini membuktikan bahawa mereka ini semuanya berasal dari Satun bukannya Patani. Kehadiran [aʝaʃ] sangat ketara dan jelas digunakan seperti mana tertera dalam peta 3 di atas (segitiga hijau adalah bukit dan titik merah adalah kampung kajian). Jika kita perhatikan banyak kawasan berbukit dan teluk di Pulau Pinang. Kemasukan mereka boleh dirujuk silang dengan maklumat yang ada di Pulau Langkawi. Kedudukan pulau yang selamat dari angin kencang boleh mengundang nelayan dari Satun untuk berhijrah di Pulau Pinang. Keduanya, kedudukan berbukit (lihat peta 3) akan menjadi tempat perlindungan masyarakat Thai untuk menyelamatkan diri dari musuh mereka. Malah dalam kajian di Perak dan Kedah, tempat-tempat berbukit memang menjadi pilihan masyarakat Thai membina petempatan mereka (Ahmad et al., 2018; Jalaluddin et al., 2019).

Dari perspektif linguistik, penyebutan mereka di Pulau Pinang tidak berbeza dengan mereka di Perlis. Masyarakat Melayu akan menggunakan [aʝaʃ] sementara penutur Thai menggunakan [aʝaʃ]. Bagi mengukuhkan dakwaan ini, data ‘ular’ digunakan bagi mengukuhkan hujah. Masyarakat Melayu Thai di Satun menggunakan sebutan [ulaʝaʃ] untuk ‘ular’. Bunyi ini sama hadir dengan di tempat mereka yang menggunakan [aʝaʃ]. Maka jelaslah bahawa [aʝaʃ] dan [ulaʝaʃ] adalah kosa kata yang digunakan oleh masyarakat Satun di Pulau Pinang.

4.3 Penyebaran Dialek Melayu Thai di Kedah-Langkawi

Penyebaran dialek Melayu Thai di Kedah sangat menarik. Pertama, sejarah peperangan yang panjang di antara Kedah dan Thai sehingga adanya campur tangan Inggeris yang akhirnya berlakunya pembahagian kawasan yang jelas di antara Kedah dan Thai. Baru (1999) menyatakan pada akhir abad ke-13, serangan yang pertama oleh Thai ke atas Kedah telah berlaku. Maka bermulalah sejarah kedatangan orang Thai ke negeri Kedah yang menetap di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand dan mereka telah bermastautin di kawasan luar bandar. Maka tidak hairanlah jika masyarakat Thai ini ditemui di Padang Terap, Kubang Pasu, Sik dan Baling iaitu daerah yang bersempadan secara fizikal dengan Thai. Begitu juga dengan Satun, Thai. Asalnya Satun adalah wilayah Kedah tetapi dengan adanya perjanjian antara kedua-dua wilayah ini, Satun dimasukkan di bawah Thai. Kesan kemasukan masyarakat Thai sangat jelas dengan adanya artifek seperti seni bina, pakaian dan gastronomi (Jalaluddin, 2017). Keduanya, persempadanan antara kedua negara yang begitu rapat. Jika diteliti pada peta Kedah, empat

daerahnya berjiran dengan Thai, iaitu Sik, Baling, Kubang Pasu dan Padang Terap. Peri dekatnya sempadan ini, maka tidak hairanlah dialek Melayu Thai boleh menyebar di Kedah dan Langkawi. Meskipun Langkawi terpisah dengan laut dari Satun, Thai tetapi faktor sejarah dan hubungan kekerabatan dengan Satun jelas menunjukkan adanya pengaruh dialek Melayu Thai di Langkawi. Malah di Langkawi, faktor ekonomi lantaran taraf pulau bebas cukai serta pas bulanan menjadikan ia tempat keluar masuk masyarakat Thai dengan mudah dan bebas. Malah ramai yang berkahwin campur di antara masyarakat Langkawi dan Thai. Di kawasan Ayer Hangat dan Padang Lalang kita akan menemui banyak rumah bersangkar burung (pengaruh Thai), makanan Thai yang dijual di merata tempat, gaya pakaian mereka (berwarna warni dan terang) membuktikan mereka adalah dari keturunan Thai. Dengan sebab itu kita dapat menemui banyak dialek Thai digunakan di sini.


Faktor muka bumi juga menjadi faktor penarik mengapa masyarakat ini suka ke Langkawi atau Kedah. Kedudukan pulau Langkawi yang terlindung dari angin kencang, jarak yang dekat serta banyaknya teluk di Langkawi menyebabkan mereka kerap datang untuk menangkap ikan. Pulau Tuba di antara tempat yang paling kerap dikunjungi untuk mereka menangkap ikan (Jalaluddin, 2017). Bentuk muka bumi dan ruang merupakan salah satu faktor kepada penyebaran dialek iaitu seperti kawasan tinggi yang berbukit dan bergunung serta kawasan rendah dan bertanah pamah.

Perhatikan peta 4 di bawah. Daerah yang bersempadan dengan Thai di Kedah seperti Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling adalah kawasan tanah tinggi, yang banyak menanam getah juga telah memberi ruang untuk masyarakat Thai bermigrasi ke Kedah. Menurut laporan pada tahun 1780, penduduk Patani berjumlah 90,000 orang. Peperangan dan kekejaman tentera Thai telah menyebabkan seramai 15,000 orang melarikan diri ke Hulu Patani, kemudian menyusur melalui Sungai Muda memasuki negeri Kedah (Syukri, 2002). Jadi, kekejaman yang dilakukan oleh askar-askar Thai menjadikan masyarakat Patani sentiasa berada dalam ketakutan dan kegelisahan. Demi menyelamatkan diri, mereka bertindak untuk melarikan diri ke kawasan yang selamat seperti negeri-negeri Melayu di utara. Mereka mencari tempat berlindung seperti di kawasan-kawasan bukit dan gunung kerana mereka menganggap kawasan tersebut bebas daripada orang-orang Thai. Dan ia berkekalan sehingga ke hari ini.

Berbalik kepada perspektif linguistik. Daripada kajian lapangan yang dilakukan, dapat dibuktikan bahawa memang ada penyebaran dialek Melayu Thai di Kedah. Dalam peta 4 di bawah, kita dapati, semua kawasan bersempadan dengan Thai menerima pengaruh dialek Melayu Thai.

Apa yang lebih menarik, di Kedah penyebaran dialek Melayu Thai terbahagi kepada dua, iaitu dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Satun. Hanya di Kubang Pasu kita temui pengaruh Satun. Buktinya, ‘air’ disebut sebagai [aʝaʃ] dan [nâm] sama seperti di Perlis. Ini bersesuaian dengan kedudukan Kubang Pasu yang lebih dekat dengan Satun berbanding Patani di sebelah timur. Tetapi bagi Padang Terap, Sik dan Baling, kesemua kampung dan mukim di sana menggunakan leksikal [ɛ] yang merujuk kepada ‘air’. Ini memang sebutan yang digunakan oleh masyarakat Patani (Uthai, 2011). Kita temui [ɛ] digunakan antaranya di kampung Kubang Kenyeng, Kg Sungai Batang, Kampung Banggol, Kg Tanjung, Siong, Weng, Bangor dan seterusnya di kawasan-kawasan di Sik.

Selain daripada kedudukan kawasan ini berhampiran dengan Thai, bentuk muka bumi yang berbukit (lihat peta 4) dengan banyaknya kawasan penanaman getah telah menarik masyarakat Thai untuk bermastautin di sini. Selalunya masyarakat Thai mengambil upah sebagai penoreh getah. Sepanjang kajian lapangan dijalankan, memang sahlah responden berketurunan Thai bekerja sebagai penoreh getah, penanam padi dan yang berniaga runcit secara kecil-kecilan.



Peta 4: Sebaran dialek Melayu Thai di Kedah


Bagi mengukuhkan huraian kependudukan masyarakat Thai di Kedah, kita perhatikan senario mereka di Langkawi kerana kehadiran mereka juga sangat ketara. Ada banyak bukti kehadiran masyarakat Thai di sini. Dari segi linguistik, masyarakat Melayu Thai ini lazimnya menggunakan perkataan ekasuku kata, bunyi vokal belakang luas /ɔ/ sering hadir sebagai nukleus seperti untuk perkataan /tikar/ menjadi [ti.kɔ] serta /ayah/ menjadi [a.jɔh] dan sebagainya (Esayah, 1999).

Seterusnya topografi Langkawi memang mudah daapt mengundang masyarakat Thai untuk bermigrasi ke sini. Topografi Langkawi adalah seperti berikut:

Selat	Selat Melaka, Selat Chinchin, Selat Panchur dan Selat Peluru
Pantai	Pantai Chenang, Pantai Kok, Pantai Pasir Hitam, Pantai Pasir Tengkorak, Pantai Tengah, Pantai Syed Omar, Pantai Kuah, Pantai Teluk Yu, Pantai Datai dan Pantai Beringin.
Tanah Tinggi	Gunung Raya dan Gunung Mat Chincang
Hutan	Hutan Simpanan Gunung Mat Chincang, Hutan Pulau Dayang Bunting, Hutan Pulau Langgun, Hutan Air Hangat, Hutan Bukit Malut, Hutan Gunung Raya dan Hutan Pulau Singa Besar.
Tanjung	Tanjung Rhu, Tanjung Dendang dan Tanjung Belikit
Teluk	Teluk Datai, Teluk Burau, Teluk Apau, Teluk Yu dan Teluk Ewa
Sungai	Sungai Kuah, Sungai Kisap, Sungai Menghulu, Sungai Ulu Melaka, Sungai Kelibang dan Sungai Kilim

Dengan keadaan topografi yang baik, faktor sejarah, kekerabatan keluarga dan akhirnya ekonomi, maka pulau ini menjadi tempat yang popular untuk mereka mencari rezeki. Dari kajian yang dilakukan jelas perkataan ‘air’ memang disebut dengan bunyi [a₁ja₁] bukannya [a₂ja₂] sebagaimana sebutan orang utara. Malah di tempat yang memang terdapat masyarakat Thai, leksikal [nâm] juga digunakan dengan produktif. Ini dapat dilihat dari peta 5 di bawah. Di utara Langkawi, iaitu di Ayer Hangat dan Pulau Tuba di selatan, varian ini sering ditemui. Satu lagi pengukuhan penyebaran dialek Melayu Thai di Langkawi ialah dengan ada leksikal [ε] yang dirujuk sebagai ‘air’. Ini bermakna pengaruh dialek Melayu Thai bukan setakat Melayu Satun sahaja tetapi juga Melayu Patani yang meresap masuk ke Langkawi. Faktor ekonomi sebagai pusat pelancongan telah menyebabkan masyarakat Thai Patani datang bermigrasi ke Langkawi. Mereka menetap di Kedawang (lihat peta 1 di atas) sebagai tukang masak di sebelah malam dan penoreh getah di sebelah pagi (Jalaluddin, 2017). Peta 5 di bawah adalah peta taburan leksikal ‘air’ di

Langkawi. Peta ini menggunakan kaedah *choropleth* yang dapat memberikan titik tepat penggunaan sesuatu varian itu. Varian yang digunakan adalah berdasarkan fonologi atau sistem bunyi. Peta 1 (lihat atas) pula adalah isoglos kedudukan dialek Melayu di Langkawi. Kita temui dialek Melayu utara, dialek Melayu Satun dan dialek Melayu Patani di Langkawi.



Peta 5: Penyebaran dialek Melayu Thai di Langkawi

Selain data ‘air’, banyak lagi ciri nahu Thai yang boleh dikesan di Langkawi. Antaranya aspek vokal, konsonan, dan ekasuku kata.

i. Dari aspek vokal

Safina (2014) ada menyatakan mengenai vokal belakang separuh rendah /ɔ/ merupakan ciri penyebutan dialek Melayu di Thailand. Dalam kajian beliau menunjukkan leksikal [dəpɔ]

untuk data /mereka/ hanya terdapat di kawasan Hulu Perak yang bersempadan dengan Thailand. Hal ini turut dibincangkan oleh Esayah (1999) tentang dialek Melayu Satun dan Uthai (2011) yang membincangkan mengenai dialek Melayu Patani. Mereka ada menyatakan bahawa bunyi vokal belakang separuh luas akan hadir sebagai nukleus pada suku kata akhir. Contohnya seperti data dalam jadual 1 yang berikut :

Jadual 1: Perbezaan vokal

Bahasa Melayu Standard	Dialek Melayu Kedah	Dialek Melayu Thai
laksa	laʔsa	laʔso
tikar	tikaʔ	tiko
Laut	laot	loʔeʔ

ii. Dari aspek konsonan

Uthai (2011) ada membincangkan mengenai ciri dialek Melayu Patani dari segi perubahan bunyi dan kosa kata. Bunyi yang merujuk kepada dialek Melayu Patani ialah /r/ pada awal suku kata akan berubah menjadi [ɣ] sedangkan dalam dialek Melayu Kedah /r/ akan berubah menjadi [ʁ]. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan pengkaji iaitu di Kedawang telah menggunakan leksikal [daʷn kaɣapɔɛ] bagi ‘daun kari’ dan [daʷn ʃənəɣom] bagi ‘daun kesom’. Manakala, dalam dialek Melayu Kedah telah menggunakan leksikal [daʷon kaɣipɔɛ] dan [daʷon kəɣapɔɛ].

Hal ini turut diujahkan oleh Hj. Omar (1993) yang membincangkan konsonan /ʁ/ adalah frikatif uvular yang mempunyai dua alofon, iaitu /ʁ/ dalam lingkungan pravokal dan antara vokal. Beliau menjelaskan lagi, dalam penyebutan untuk alofon ini mempunyai kesejajaran dengan /r/ dalam bahasa standard. Contohnya seperti dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Perbezaan konsonan

Bahasa Melayu Standard	Dialek Melayu Kedah	Dialek Melayu Patani
rambai	ɾambai	ɣambai
ribut	ɾibot	ɣibot
barat	baɾat	baɣat
marah	maɾah	maɣah

iii. Eka suku kata

Uthai (2011) dan Jalaluddin et al. (2019) menyatakan bahawa penggunaan kata ekasuku semakin dominan bagi dialek Melayu Thailand. Hal ini berlaku kerana dialek Melayu Thai telah dipengaruhi oleh bahasa yang ekasuku iaitu bahasa Thailand. Uthai (2011) telah senaraikan kata ekasuku dalam dialek Melayu Thai iaitu seperti leksikal:

BMS		DMT
air	→	ɛ
bapa	→	pɔʔ
jahit	→	dʒaeʔ
kelapa	→	ɲɔ

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa kawasan mukim Kedawang, mukim Ayer Hangat dan mukim Ulu Melaka merupakan kawasan yang wujudnya penutur dialek Melayu Thai, iaitu dialek Melayu Satun dan dialek Melayu Patani (Jalaluddin, 2017).

4.4 Penyebaran Dialek Melayu Thai di Perak

Sejarah migrasi masyarakat Thai di Kedah dan Perak adalah serupa. Kesan dari kekalahan kerajaan Patani, masyarakat Patani mula melarikan diri ke Semenanjung Tanah Melayu melalui jalan darat. Daerah Batu Kurau di utara Perak terkenal dengan penduduk yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani yang berhijrah kerana melarikan diri daripada peperangan yang berlaku di Patani. Kesan peperangan ini telah membuka ruang kepada bertapaknya pengaruh Patani di

Perak. Selain Batu Kurau, satu kawasan kajian yang mempunyai kesan dengan kehadiran dialek Patani adalah Lenggong di Hulu Perak.

Selain daripada penelitian terhadap topografi dan sejarah, faktor informan juga penting. Informan berbeza dengan responden. Informan memberikan lebih banyak maklumat secara lisan dan boleh menjadi nilai tambah pada kajian yang dijalankan. Contohnya, Pak Su adalah ketua kampung di Lenggong. Beliau adalah orang kuat kepada ahli Parlimen Lenggong dan aktif dalam politik. Beliau menjadi jurucakap bagi masyarakat Lenggong. Meskipun berdialek Patani yang pekat, beliau masih boleh berkomunikasi dengan masyarakat bukan Patani dengan fasih. Sebab itu beliau menjadi jurucakap yang disegani. Dalam sesi temubual, beliau telah banyak bercerita terutama bagaimana orang Patani berhijrah ke Lenggong dan bagaimana Lenggong mendapatkan namanya. Daripada sesi penceritaan itu, kami dapat menyenaraikan beberapa perbezaan bunyi yang ketara milik dialek Patani dan bukannya dialek Melayu Perak.

Menurut Pak Su, masyarakat Melayu Patani sukar memahami dialek Kedah. Ada kes berlaku di mana orang Patani sesat di hutan semasa berburu atau mencari hasil hutan dan termasuk di kawasan belah Kedah di kampung Selama dan mereka gagal untuk berkomunikasi dan begitu juga sebaliknya. Tanah tinggi yang memisahkan dua daerah ini menyebabkan ketergendalaan komunikasi. Ini membuktikan bahawa ruang dan muka bumi memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dialek.


Kesan dari kemasukan masyarakat Patani di Lenggong khususnya, maka leksikal baru terbentuk hasil dari pertembungan budaya. Leksikal baharu ini digunakan dengan meluas dalam kalangan penutur Melayu Patani seperti dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Leksikal baharu Melayu Patani

[pɛʔ]	Nenek
[tanã]	Tanam
[tahoʔ]	Buang
[awã]	awang (panggilan manja untuk lelaki)
[muhã]	awak semua


Peta 6 di bawah adalah topografi kawasan Lenggong. Sebagaimana dinyatakan terlebih awal, masyarakat Patani suka mendiami kawasan berbukit demi mengelakkan ancaman tentera Thai.

Jadi memandangkan kawasan Lenggong ini berbukit bukau, ia menjadi kawasan yang strategik bagi mereka membuat pertempatan. Peta di bawah ditunjukkan sekali sebutan sebenar dialek Patani yang digunakan oleh informan bernama Pak Su.



Peta 6: Topografi Lenggong dan Hulu Perak dan transkripsi dialek Patani.

Berbalik semula kepada data ‘air’ di Perak khususnya di kawasan utara. ‘Air’ mempunyai empat (4) varian, iaitu varian [æ], [ajaʃ], [ajo] dan [ɛ]. [ɛ] yang merupakan varian dialek Melayu Patani hanya digunakan di mukim Batu Kurau sahaja iaitu di kawasan yang ditanda dengan simbol berwarna kuning (lihat peta 7 di bawah). Kawasan sekitar Batu Kurau yang dikelilingi bukit dan tanah tinggi membolehkan orang-orang Patani berlindung dan menjalankan kehidupan dengan lebih baik walaupun pernah bertelingkah dengan penduduk Melayu Perak tetapi kemudiannya mereka berdamai. [ɛ] juga ditemui di Lenggong. Kawasan ini juga mempunyai topografi yang berbukit bukau. Sebutan ini berbeza dengan dialek Melayu Perak. Orang Perak menggunakan [ajo]. Mereka di Selama, Perak pula menggunakan dialek Kedah, iaitu [ajaʃ]. Jadi lingkungan penggunaan dialek Melayu Thai lebih kepada dialek Patani dan berada di kawasan utara khususnya yang bersempadan dengan negeri Thai sendiri. Selain dari bersempadan dengan Thai, kawasan ini juga berjiran dengan Baling dan Sik. Kedua-dua daerah ini juga menggunakan dialek Melayu Patani, iaitu [ɛ].




Peta 7: Data dialek Patani 'Air' (Yusoff, 2014)

Peta 7 adalah taburan dialek Melayu menggunakan kaedah *choropleth* demi mendapatkan kedudukan yang tepat di mana titik kampung yang terlibat. Demi membantu kita mengenali dialek Melayu Patani di Perak, diturunkan ciri fonologinya seperti yang di bawah:

- i. Semua bunyi akhir akan diakhiri dengan vokal separuh rendah belakang /ɔ/ dan vokal rendah /a/ dan seperti - [sukɔ, adɔ, mandɔ], [raga, dɛŋa, pina]
- ii. Nasal velar /ŋ/ dan bunyi lateral /l/ di akhir kata digugurkan dan kadang-kala digantikan dengan nasal alveolar /n/ - [kada-kada, pina, kupan, bata]
- iii. Mempunyai leksikon tersendiri seperti - [pina] pinang, [toʷʔ] - atok, [sipoh] – simpan, [moha] - kamu semua, [pɔh/ pɛʔ] – opah, [ε]- air

Peta 8 di bawah adalah isoglos yang menjelaskan kedudukan dialek Melayu Thai yang masuk ke Perak. Taburannya agak luas sehingga bersempadan dengan Kuala Kangsar, bandar diraja negeri Perak.




Peta 8: Sebaran dialek Melayu Thai di Perak

Peta ini mengesahkan bahawa kedudukan penduduk Thai di Perak adalah di kawasan tanah tinggi. Ini sekali lagi berkaitan dengan faktor keselamatan dan ekonomi. Di sinilah mereka bekerja sebagai penoreh getah.

4.5 Rumusan Sebaran Dialek Melayu Thai di Semenanjung Malaysia

Secara keseluruhannya, kita dapati bahawa memang wujudnya kehadiran dialek Melayu Thai di negara ini. Kemasukan dialek Thai sama ada dialek Melayu Satun mahupun Patani menyebar melalui faktor topografi, migrasi, sejarah dan ekonomi. Pengenalpastian dialek ini tetap bergantung kepada analisis linguistiknya. Ada pola fonologi yang khas yang boleh disandarkan. Huraian di atas telah menjelaskannya. Peta 9 di bawah adalah peta keseluruhan penyebaran dialek

Melayu Thai di Semenanjung Malaysia, iaitu bermula dari Perlis, Kedah-Langkawi, Pulau Pinang dan Perak.



Peta 9: Sebaran dialek Melayu Thai di Malaysia

5.0 KESIMPULAN

Penyebaran dialek Melayu Thai sangat menarik untuk dikaji. Perbezaan bunyi yang kita lihat di atas jelas menunjukkan bahawa ada perbezaan dialek Melayu Tanah Melayu dengan Melayu Thai. Selain daripada faktor linguistik, banyak lagi faktor bukan linguistik seperti faktor sejarah, migrasi dan topografi telah melengkapkan lagi huraian dialek dengan lebih sempurna. Malahan maklumat tambahan seperti makanan, pakaian dan seni bina yang memaparkan ciri-ciri Thai turut membantu kita mengenali dialek ini. Jelasnya, kaedah multidisiplin telah berjaya memberikan penghuraian yang jelas dan tepat mengenai kedudukan dialek dan sebarannya. Ditambah pula dengan aplikasi teknologi GIS telah dapat merincikan lagi dialek Melayu dan dialek Melayu Thai di negara ini.

Memandangkan Malaysia kaya dengan pelbagai bahasa dari suku etnik yang berbeza, pastinya kajian terhadap bahasa Jawa, Minang, Bugis dan juga bahasa etnik di Sabah dan Sarawak sebagaimana dengan kajian dialek Melayu Thai akan dapat memberikan gambaran sebenar bagaimana manusia memanfaatkan ruang demi ketakutan hidup masing-masing dan pada masa yang sama menyebarkan bahasa atau dialek mereka. Pastinya elemen linguistik tetap relevan dengan pengkajian bagaimana dialek dan masyarakatnya berkembang dan akhirnya membentuk identiti kelompok masyarakat itu sendiri.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang dijalankan di bawah pembiayaan Geran Universiti Penyelidikan (TD-015-004) & Kementerian Pendidikan Malaysia (FRGS/1/2015/SS101/UKM/02/3).

RUJUKAN

- Abdul Salam, N. S., & Syed Jaafar, S. R. (2018). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 316-343.
- Ahmad, Z. (1991). *The phonology and morphology of the Perak dialect*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Yusoff, Y. (2018). GIS mapping of dialect variation in north Perak. *Dialectologia*, 20(1), 1-20.
- Aman, R., Ab. Hamis, N., & Abdul Hamid, S. (2015). Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba. *GEMA Online journal of Language Studies*, 20(1), 189-205.
- Baru, W. (1999). *Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai*. (Tesis sarjana tak diterbitkan). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Che Kob, A. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Esayah, K. (1999). *Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis*. (Tesis sarjana tak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Gandeur, J. (1997). Tonal rules for English loanwords in Thai. In T.L Tongkhum, V. Panupong, P. Kullavanijaya & M.R.K. Tingsabadh (Eds.), *Studies in Tai and Mon Khmer phonetics and*

- phonology in honour of Eugne J.A.Henderson* (pp. 131-144). Bangkok: Chulalongkorn University Press.
- Hamzah, S. N. (2018). *Penyebaran leksikal dan bunyi dalam dialek Melayu di Perak: Analisis geolinguistik*. (Tesis PhD tak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Hasrah, M. T., Shahidi, A. H., & Aman, R. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 211-222.
- Hj. Omar, A. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Omar, A. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, I. (1973). Malay dialects in Malay Peninsular. *Nusantara*, 3(1), 63-79.
- Jalaluddin, N. H. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Jalaluddin, N. H., Ahmad, Z., Radzi, H., & Sanit, N. (2016). Varian kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Jalaluddin, N. H. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 17(4), 159-178.
- Jalaluddin, N. H., Tingom, A. S., Hamzah, S. N., & Lateh, H. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan Thai: Analisis GIS. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(1), 77-96.
- Mat Piah, H. (1983). Dialek negeri Perak. *Bengkel kepemimpinan dan pengajian kebudayaan negeri Perak, 20-23 Oktober*. Ipoh: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Menyelami kehidupan orang Siam. (2019, Julai 31). *Kosmo*. Diambil dari <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/menyelami-kehidupan-orang-siam>
- Mohamed Sultan, M. F., Jalaluddin, N. H., Radzi, H., Kasdan, J., & Aizuddin Suhami, M. F. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *Akademika*, 89(3), 1-22.
- Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia, Special issue*, 1(1), 123-135.

- Radzi, H. (2017). *Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi*. (Tesis PhD tak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Safina, N. (2014). *Variasi leksikal kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: Aplikasi GIS*. (Kertas projek linguistik tak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sathian, M. R., & Chesof, R. (2018). *Siamese in Malaysia: Beyond 60 years of heritage*. Bangkok, Thailand: Social Sciences and Humanities Foundation.
- Syed Jaafar, S. R. (2017). Pembentukan struktur suku kata dialek Melayu Kuala Pilah. *Jurnal Bahasa Jilid*, 17(1), 61-83.
- Syukri, I. (2002). *Sejarah kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teeraroanarat, S., & Tingsabadh, K. (2011). A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Dialectologia*, 6(1), 55-75.
- Utahi, R. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusof, R. (1986). *Dialek geografi Kuala Kangsar: Suatu kajian perbandingan*. (Tesis Sarjana tak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yusoff, Y. (2014). *Penyebaran dialek Melayu di Perak: Pemetaan menggunakan aplikasi GIS*. (Kertas projek sarjana tak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.